

my

Edisi 2/2023 | Jul-Dis | Perpustakaan Laman Hikmah

HIKMAH



Projek Komuniti:

PROGRAM 'KNOWLEDGE DISCOVERY'

PENGAWAS PUSAT SUMBER SEKOLAH
NEGERI MELAKA 2023

Tarikh: 20 Julai 2023 (Khamis)
Tempat: Perpustakaan Laman Hikmah UTeM

Anjuran bersama:
Perpustakaan Laman Hikmah dan Sektor Sumber Teknologi Pendidikan,
Jabatan Pendidikan Negeri Melaka
Dengan kerjasama:
Persatuan Perpustakaan Sekolah-Sekolah Melaka (PUSTAKAM)



'KNOWLEDGE DISCOVERY' PENGAWAS PUSAT SUMBER SEKOLAH NEGERI MELAKA

- BENGKEL SENI PENULISAN WOW! "TAK KENAL MAKA TAK CINTA"
- PERKONGSIAN PENGURUSAN & PENILAIAN KRITERIA LAMAN WEB PTJ
- SEMBANG ALUMNI UTEM@ MEMORI KORPORAT
- RISE UP TOGETHER @ SEKOLAH HENRY GURNEY
- PLH JUARA PERTANDINGAN PTJ TERINDAH (SUDUT 5ST)

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

Siti Saluwa binti Jamal

KETUA EDITOR

Harulrizam bin Mohamed@Ghazali

EDITOR

Hasliza binti Mohamed

PEMBACA PRUF

Noraini binti Mohd Noor

PENGARANG

Arman bin Mohammad

Rasida binti Abu Bakar

Mahadir bin Che Ali

Fauziah binti Hassan

Mohd Mawardi bin Badruddin

Mez Zelina binti Yusof

Harulrizam bin Mohamed@Ghazali

Hasliza binti Mohamed

Suhadawati Binti Ahmad

Norazizah binti Md Tahir

Noraini binti Mohd Noor

Nurul Akmar binti Mehat

Azman bin Amir

Iffah Izzati binti Maslan

Irdina binti Shaari

Nur Shuhadah binti Sulaiman

PEREKABENTUK GRAFIK/ FOTO

Mohd Siddiq Azizi bin Jais

Mohamad Azhari bin Johari

PENYELARAS LIPUTAN

Muhamad Hafeez bin Zainudin

Ahmad bin Abu Bakar

Kamariah binti Kamis

Muhammed Rashid Bin Mat Derus

Norfazlin binti Tambi Chek

Ahmad Tarmizi Bin Abdul Hadi

Perpustakaan Laman Hikmah,
Universiti Teknikal Malaysia Melaka,
Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal, Melaka.

Phone: +6062701200

Email: lamanhikmah@utem.edu.my

Buletin MyHikmah akan diterbitkan dua kali setahun

Copyright 2023 PLH | Perpustakaan Laman Hikmah.
All Right Reserved



KANDUNGAN

• Sekapur Sirih	03
Utama	
• 'Knowledge Discovery' Pengawas Pusat Sumber Sekolah Negeri Melaka 2023	04
Aktiviti	
• Bengkel Seni Penulisan Wow! "Tak Kenal Maka Tak Cinta"	05
• Kelas Literasi Maklumat & Lawatan Pelajar Baharu	06
• Bengkel Retreat PLH - Menyerlah Dari Biasa	07
• Mesyuarat Kumpulan Fokus Khas Pengkatalogan & Metadata	08
• Program Sembang Alumni UTeM @ Memori Korporat	09
• Kursus Kecemerlangan Pengurusan Perpustakaan	11
• Program Bicara Karya	12
• Program Perkongsian Pengurusan & Penilaian Kriteria Laman Web PTJ	13
• Persidangan Tahunan Perpustakaan Malaysia	14
• Publisher Talk	15
• Demo & Latihan Pangkalan Data	16
• Lawatan Panel Penilai Akreditasi Penuh dari Pihak Engineering Accreditation Council (EAC) & ETAC	17
• PLH Cleanup Day	18
• Lawatan Luar Ke PLH	19
• Pertandingan Bintang Patriotik Madani	21
• Pameran Maya	22
• Program Derma Darah	23
• Latihan Kebakaran 2023 PLH	24
• Audit Matrik Pengurusan Tenaga PTJ UTEM (MAPTEP) 2023	25
• Program Kesedaran Pengurusan Tenaga & Perolehan Hijau Kerajaan	26
• Lensa MyHikmah 2023	27
Komuniti	
• Program Rise Up Together @ Sekolah Henry Gurney	29
Anugerah dan Pencapaian	
• Anugerah Perkhidmatan Cemerlang & Jasa Bakti	31
• KiK Kali Ke-7 (Saguhati)	32
• Tempat Pertama Dalam Pertandingan PTJ Terindah (Sudut 5ST)	33
• SUTAF 2023	34
Kelab LISTAC	
• Bacaan Yassin	35
• Majlis Apresiasi LISTAC	36
• Majlis Persaraan dan Perpindahan Staf ke PTJ lain	38
Artikel Bebas	
• Bibliografi Ke Arah Pengwujudan Terapi Dalam 'Mood' atau Suasana Di Perpustakaan	39
• Perbezaan Di Antara Perpustakaan Fizikal dan Perpustakaan Digital	41
• Ruang Inovatif (Makerspace)	43
Promosi	
• Library Outreach : Meet & Greet	45



Siti Saluwa binti Jamal
Ketua Pustakawan
Perpustakaan Laman Hikmah



Assalamualaikum wbt. dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, syukur kepada Allah SWT di atas kejayaan menerbitkan Buletin MyHikmah edisi 2 tahun 2023.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas usaha bersama AJK Buletin dalam menjayakan buletin ini dan semoga hasrat menjadikan salah satu platform pengantara penyampaian maklumat Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) kepada Warga UTeM direalisasikan. Di samping itu, PLH berharap dapat membudayakan ilmu melalui perkongsian informasi terkini dan artikel yang memaparkan aktiviti yang dilaksanakan sepanjang Julai hingga Disember 2023.

PLH seperti sedia maklum merupakan penyampai perkhidmatan yang efisien serta berkesan kepada warga UTeM khususnya para pelajar, pensyarah dan akademik. Kecekapan penyampaian perkhidmatan merupakan dasar signifikan ke arah menzahirkan jalur impak yang unggul serta menjamin kelangsungan peranan berterusan di UTeM.

PLH yakin bahawa pengguna mahukan perkhidmatan yang pantas khususnya dalam mendepani era digital kini. PLH sentiasa berusaha secara intensif menyesuaikan peranan dengan persekitaran kehendak serba baharu melalui pemerkasaan kemahiran teknologi digital dan komunikasi maklumat.

Pelaksanaan program secara holistik berpaksikan Pelan Strategik Universiti 2023-2025 serta Pelan Strategik PLH 2023-2025 menjadi teras utama pihak pengurusan dalam memacu usaha merealisasikan komitmen ini seiring dengan aspirasi pihak kerajaan madani kini.

Saya yakin dan optimis PLH sentiasa dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna seterusnya berupaya menjulang peranan dan imej perpustakaan di persada yang lebih tinggi.

'KNOWLEDGE DISCOVERY' PENGAWAS PUSAT SUMBER SEKOLAH NEGERI MELAKA

Oleh: Harulrizam bin Mohamed @ Ghazali



Pada 20 Julai 2023, Program 'Knowledge Discovery' Pengawas Pusat Sumber Sekolah Negeri Melaka 2023 telah berjaya dilaksanakan. Penganjuran bersama ini melibatkan Perpustakaan Laman Hikmah, Sektor Sumber Teknologi Pendidikan, Jabatan Pendidikan Negeri Melaka dan Persatuan Perpustakaan Sekolah-Sekolah Melaka (PUSTAKAM).

Objektif utama program adalah memberi pendedahan dan pengalaman bidang tugas serta asas kemahiran khusus dalam pengurusan perpustakaan/literasi maklumat yang merangkumi peranan perpustakaan, pengurusan perpustakaan dan teknik pencarian maklumat. Peserta terdiri daripada 40 orang pengawas Pusat Sumber Sekolah Menengah dan 10 guru

pengiring setiap sekolah sekitar negeri Melaka.

Terima kasih diucapkan buat YBrs. Encik Nasaruddin Bin Rahmat Ketua Penolong Pengarah, Encik Arman Mohammad Timbalan Ketua Pustakawan Perpustakaan Laman Hikmah UTeM, Encik Mohd Azli Bin Muda Penolong Pengarah dari Sektor Sumber Teknologi Pendidikan Negeri Melaka, Encik Mohd Rizal Bin Maslah Penolong Pegawai Pendidikan Daerah Alor Gajah, Siti Zainab Binti Mat Nor Penolong Pegawai Pendidikan Daerah Jasin, Muhammad Basharul Hafi Bin Azutdin Penolong Pegawai Pendidikan Daerah Melaka Tengah Serta Wakil PUSTAKAM di atas kesudian melapangkan masa untuk turut hadir ke program ini. PLH mengucapkan setinggi-tinggi tahniah

kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini terutamanya kepada Jawatankuasa Kerja dan Rakan Kerjasama yang telah berusaha untuk memastikan program ini berjaya dilaksanakan dari awal sehingga ke akhir program. Semoga kerjasama dan komitmen yang terjalin ini, dapat diteruskan pada masa-masa akan datang.



BENGKEL SENI PENULISAN WOW! "TAK KENAL MAKA TAK CINTA"

Oleh: Fauziah binti Hassan

Sambutan yang cukup hebat daripada peserta dalam Bengkel Seni Penulisan Wow! "Tak kenal Maka Tak Cinta" yang dianjurkan oleh Perpustakaan Laman Hikmah, Universiti Teknikal Malaysia Melaka pada 1 Ogos 2023 bertempat di Bilik Tayangan Aras 3.



Bengkel ini telah dibimbing oleh Profesor Madya Datuk Dr. Sabri bin Mohamad Sharif, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), UTeM yang juga merupakan seorang penulis yang berpengalaman luas lebih 20 tahun dalam bidang penulisan dan pernah memenangi Anugerah Buku Negara tahun 2016, 2017 dan 2020 serta Anugerah Buku UNESCO tahun 2020.

Seramai 42 orang peserta telah menyertai bengkel ini dari pelbagai institusi seperti Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA), Universiti Multimedia (MMU) dan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB).



Dalam bengkel ini, para peserta diberikan pendedahan mengenai teknik-teknik menulis artikel, rencana, berita, teks ucapan dan kandungan media sosial serta cara menguasai genre penulisan.



Penganjuran bengkel ini merupakan platform terbaik kepada para peserta untuk memupuk budaya menulis ke arah merealisasikan matlamat dan hasrat kerajaan membina Malaysia Madani yang dinamik serta berasaskan ilmu pengetahuan. Ia juga menyumbang kepada keternampakan Perpustakaan Laman Hikmah sebagai perpustakaan universiti awam yang menyokong kepada pembudayaan keilmuan terhadap warga kampus, masyarakat dan negara.

KELAS LITERASI MAKLUMAT & LAWATAN PELAJAR BAHARU

Oleh: Mez Zelina binti Yusof



Pada 11 Ogos 2023 (Jumaat) pada jam 9.00 pagi hingga 11.45 pagi bertempat di Makmal Pusat Pembelajaran Bahasa dan Perpustakaan Laman Hikmah, Kampus Induk telah berlangsung sesi Kelas Literasi Maklumat dan Lawatan Perpustakaan Kepada Pelajar Baharu Diploma.

Kelas telah di bahagikan kepada dua sesi iaitu sesi pagi dan sesi petang. Para pelajar telah dibahagikan kepada 10 kumpulan daripada 198 orang pelajar yang telah menghadiri kelas dan lawatan tersebut.

Para pelajar diberi penerangan berkenaan perkhidmatan dan fasiliti yang disediakan di perpustakaan supaya ianya boleh digunakan secara optimum oleh mereka.



BENGKEL RETREAT PLH - MENYERLAH DARI BIASA

Oleh: Harulrizam bin Mohamed @ Ghazali



Penganjuran Bengkel Retreat PLH 2023: Menyerlah Dari Biasa yang akan diadakan pada 21-22 September 2023 bertempat di Dewan Jamuan VIP 1 Dewan Besar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Cadangan penganjuran program ini bertujuan untuk menilai, memantapkan dan meningkatkan kualiti perkhidmatan maklumat dan kemudahan yang disediakan kepada pengguna perpustakaan. Bengkel ini juga bertujuan mempersiapkan siaga staf dengan kemahiran komunikasi, perkongsian idea baharu melalui cadangan penambahbaikan perkhidmatan dan kemudahan serta menambahbaik hubungan ukhwah bersama.

Bengkel ini berlangsung selama dua hari melibatkan seramai 61 orang staf PLH dan 3 orang pelajar praktikal. Penceramah terdiri dari Encik Arman bin Mohammad, Ketua Bahagian Perkhidmatan & Penyelidikan; Cik Rasida binti Abu Bakar, Ketua Bahagian Khazanah Ilmu; Encik Mahadir bin Che Ali,

Ketua Bahagian Pembangunan & Teknikal; dan Puan Nurul Akmar binti Mehat, Ketua Seksyen Memori Korporat & Galeri. Turut serta adalah Puan Siti Saluwa binti Jamal, Ketua Pustakawan telah menyampaikan ucapan aluan semasa permulaan bengkel.

Bengkel ini juga secara tidak langsung menjadi platform kepada semua staf untuk sama-sama berbincang penambahbaikan berkaitan perkhidmatan dan fasiliti di perpustakaan. Semua staf berpeluang berkongsi pendapat dan idea di samping dapat mengeratkan ukhwah melalui aktiviti berunsur permainan yang dimasukkan di dalam modul.



Secara keseluruhan, bengkel ini telah berjaya mencapai hasrat yang diharapkan apabila semua staf telah menunjukkan semangat dan kebersamaan yang tinggi sepanjang kursus berlangsung.



MESYUARAT KUMPULAN FOKUS KHAS PENGKATALOGAN & METADATA

Oleh: Noraini binti Mohd Noor



Mesyuarat Kumpulan Fokus Khas (KFK) Pengkatalogan dan Metadata Bilangan 1 Tahun 2023 telah diadakan di Pusat Sumber Informasi, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) pada 6 Julai 2023. Mesyuarat dipengerusikan oleh Puan Siti Saluwa binti Jamal, Ketua Pustakawan, Perpustakaan Laman Hikmah UTeM. Seramai 31 ahli mesyuarat telah hadir daripada perpustakaan Universiti Awam, Universiti Swasta, Universiti Berkaitan Kerajaan dan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM).

Kumpulan Fokus Khas (KFK) Pengkatalogan dan Metadata merupakan satu kumpulan khas yang dibentuk oleh Persidangan Perpustakaan Universiti dan Negara (PERPUN) bertujuan untuk menyumbang kepada pembangunan dan pemangkin amalan terbaik dalam bidang pengkatalogan dan metadata mengikut piawaian serta format kebangsaan atau antarabangsa melalui perkongsian maklumat, kepakaran, kerjasama strategik dan langkah penambahbaikan secara berterusan untuk dimanfaatkan secara bersama.

Antara objektif Kumpulan Fokus Khas ini adalah untuk meningkatkan perkongsian sumber maklumat melalui keseragaman standard pengkatalogan dan metadata mengikut implimentasi semasa. Ia juga dapat menjalinkan hubungan kerjasama dengan semua perpustakaan universiti melalui perkongsian maklumat, lawatan, latihan penempatan, penanda aras (benchmarking) dan kursus yang bersesuaian.

Mesyuarat kali ini membincangkan semakan semula terma rujukan (Terms of Reference) Special Interest Group (SIG) Pengkatalogan dan Metadata di kalangan ahli mesyuarat. Turut diadakan sesi perkongsian pengkatalogan bahan Bahasa Arab oleh Puan Hasmida binti Saleh, wakil daripada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Kekerapan mesyuarat ini adalah maksimum dua (2) kali setahun. Hasil mesyuarat atau pelaporan akan dibuat di Mesyuarat Jawatankuasa Ketua Pustakawan Universiti Awam (JKPUA) dan PERPUN mengikut keperluan.



PROGRAM SEMBANG ALUMNI UTEM @ MEMORI KORPORAT

Oleh : Nurul Akmar binti Mehat



Perpustakaan sangat sinonim dengan gedung ilmu. Sehingga kini, perpustakaan berperanan utama dalam memperkasakan pengetahuan tersirat (Tacit Knowledge) daripada individu yang dipilih daripada organisasi dengan mengumpulkan, merekodkan dan mendokumentasikan pengetahuan dalam pelbagai format melalui rakaman video, dokumentasi, temu bual dan sebagainya. Memori korporat yang juga merujuk kepada pengetahuan organisasi dalam menyimpan pelbagai kategori memori seperti memori kakitangan, idea, kemahiran individu, repositori, teknologi dan sistem yang dicipta serta boleh diakses dengan mekanisme lain.

Seiring dengan slogan “Memori Korporat: Menelusuri Kecemerlangan dan Kegemilangan UTeM”, Seksyen Memori Korporat & Galeri, Bahagian Khazanah Ilmu, Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) telah menganjurkan program Sembang Alumni UTeM @ Memori Korporat, PLH pada 11 Oktober 2023 di Auditorium, Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Industri dan Pembuatan (FTKIP). Program ini merupakan kerjasama PLH dengan Pusat Alumni dan Kebolehpasaran Graduan (PPAKG), HEPA. Matlamat penganjuran program ini adalah untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan ahli panel alumni UTeM berkaitan perjalanan, momen, kehidupan yang ditempuhi oleh seorang mahasiswa pada awal penubuhan Universiti melalui sejarah lisan. Selain itu, program sebegini dapat mempergiatkan usaha-usaha dan kaedah pengumpulan bahan bersejarah universiti bagi koleksi Memori Korporat UTeM untuk rujukan generasi pada masa hadapan.

Jalanan yang baik dan penglibatan Alumni UTeM (AUTeM) dengan PLH mendukung Pelan Strategik UTeM 2023-2025 di bawah Teras Strategik 4 iaitu mencetuskan ekosistem rancak, melestarikan universiti namun turut memperkukuhkan kelangsungan penglibatan AUTeM bersama PLH dengan pelbagai aktiviti dan sumbangan yang signifikan kepada kecemerlangan UTeM. Program Sembang Alumni UTeM @ Memori Korporat, PLH ini merupakan acara tahunan kerjasama PLH dengan PPAKG, HEPA yang telah diadakan sejak tahun 2022. Sambutan yang baik daripada warga Universiti menunjukkan aura dan kebersamaan alumni UTeM yang bergiat aktif serta bersedia untuk menyumbangkan semula kepakaran, pengetahuan, masa dan tenaga mereka kepada kegemilangan UTeM di persada nasional dan antarabangsa perlu dipuji dan dicontohi oleh bakal alumni UTeM.

Program ini telah dirasmikan oleh YBhg. Profesor Madya Datuk Dr. Sabri bin Mohamad Sharif, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), UTeM. Dalam ucapan perasmian tersebut, beliau telah menyeru pelajar yang hadir untuk mengamalkan 3S iaitu Sayang, Susun Atur dan 'Sustainable' serta menjadikan UTeM sebagai keluarga besar mereka setelah bergelar alumni nanti. Seramai lima orang ahli panel yang telah dijemput terdiri daripada Dr. Hazli Rafis bin Abdul Rahim, Pengarah, PPAKG, HEPA, Ts. Dr. Mohd Hanif bin Harun, Pensyarah, Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Mekanikal, Dr. Kyairul Azmi bin Baharin, Pensyarah Kanan, Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Elektrik, Encik Mohd Shahrul Nizam bin Shukor, Penolong Pendaftar Kanan, HEPA dan Dr. Mahanum binti Mohd Zamberi, Pensyarah Kanan, Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Mekanikal. Pengetahuan tasit yang dimiliki oleh panel telah dicurahkan dengan perkongsian maklumat, pengalaman dan nasihat yang berguna khususnya kepentingan menjaga adab dan perhubungan yang baik dengan pensyarah, menunjukkan nilai murni dan berkebolehan sebagai seorang pelajar semasa latihan industri di luar UTeM. Kehadiran panel-panel ini sangat bertepatan dengan tema "Bagai sirih pulang ke gagang" kerana mereka merupakan alumni UTeM dan telah memilih UTeM sebagai tempat untuk berkhidmat dan mencurahkan bakti.



KURSUS KECEMERLANGAN PENGURUSAN PERPUSTAKAAN

Oleh: Harulrizam bin Mohamed @ Ghazali



Pada 14-15 November 2023, Unit Latihan dan Penajaan, Bahagian Pembangunan Bakat, Pejabat Pendaftar UTeM telah menganjurkan Kursus Kecemerlangan Pengurusan Perpustakaan secara bersemuka yang bertempat di Bilik Tayangan Perpustakaan Laman Hikmah.

Kursus ini merupakan salah satu kursus khusus tahun 2023 yang telah diberikan di bawah skim S Perpustakaan bagi menambah pengetahuan dan pemahaman dalam bidang keperpustakawanan oleh penceramah atau agensi yang dipilih.

Bagi tahun 2024, Ketua Pustakawan telah mencadangkan YBhg. Datin Paduka Mastura Hj Muhamad, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) sebagai penceramah.

Seramai 38 orang staf Perpustakaan Laman Hikmah terlibat dalam kursus ini. Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memberikan pendedahan komprehensif kepada peserta dalam menguruskan fungsi dan aktiviti perpustakaan secara berkesan bagi memenuhi

keperluan semasa dalam menawarkan perkhidmatan sumber yang berkualiti dan relevan dengan situasi semasa. Selain itu, perkongsian berkenaan dianggap amalan terbaik dalam perkongsian pengalaman yang boleh membantu memantapkan fungsi dan peranan perpustakaan sama ada secara dalaman ataupun dengan pihak luar bagi meningkatkan kerelevanan perkhidmatan dan penyediaan fasiliti kepada pengguna.

Beberapa skop yang dikongsi oleh penceramah seperti perkongsian pengurusan staf, pengurusan situasi, pengurusan bangunan/ruang, perkhidmatan berdasarkan situasi, perubahan hati, minda, sikap, 'Library brings happiness', kerja berpasukan, komunikasi berkesan, kepimpinan, 'mentoring and coaching'.



Secara keseluruhan, kursus ini banyak memberi pendedahan kepada staf tentang pengurusan perpustakaan berdasarkan skop yang diketengahkan serta yang lebih penting perkongsian dari pengalaman sebenar pasukan penceramah mengikut situasi di PPAS.

Kursus ini berjaya mencapai tujuannya secara terperinci mengenai proses, amalan kerja, pemahaman, dan pelaksanaan dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran di alaf baru ini.



Diharapkan juga dengan adanya pengetahuan-pengetahuan seperti ini, para peserta dapat meningkatkan lagi kemahiran baharu serta amalan terbaik dapat dipraktikkan dalam tugas seharian mahupun kehidupan.

Setinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Datin Paduka Mastura Hj Muhamad, Pengarah PPAS kerana kesudian dalam berkongsi ilmu kepada staf PLH.

PROGRAM BICARA KARYA

Oleh: Arman bin Mohammad



Pada 6 November 2023, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, Encik Arman bin Mohammad telah menghadiri Program Bicara Karya bersama Encik Izzul Islam (Inche Lebah) bersempena Festival Konvokesyen UTeM Ke-19. Penulis buku yang lebih dikenali dengan nama Inche Lebah telah mempromosikan buku beliau bertajuk "Sebelum Kau Kecewa Lagi".

Program ini merupakan anjuran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dengan kerjasama Kelab Sahabat Laman Hikmah dan Perpustakaan Laman Hikmah. Sejumlah 182 orang penonton hadir bagi sesi tersebut. Dalam program tersebut, Encik Arman turut berpeluang menyampaikan cenderamata kepada penulis dan pemenang cabutan bertuah.

Sebuah karya
Inche Lebah



BUKU HEALING NOMBOR SATU....



PROGRAM PERKONGSIAN PENGURUSAN & PENILAIAN KRITERIA LAMAN WEB PTJ

Oleh: Mahadir bin Che Ali

Pertandingan dan penarafan bintang laman web PTj telah dilaksanakan bermula tahun 2018 dengan penilaian pada tahun 2017 menggunakan Borang Senarai Semak Dan Penilaian PTj. Sebanyak 36 laman web telah dinilai dan diberi penarafan bintang.


Pertandingan laman web dan penarafan bintang ini merupakan salah satu usaha UTeM melalui Jawatankuasa Laman Web UTeM bagi menambah baik mutu dan kualiti laman web PTj supaya penyampaian maklumat kepada warga UTeM dan orang ramai dapat dilakukan dengan lebih baik, terkini dan berkesan.

Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) telah mendominasi pertandingan dan penarafan bintang laman web PTj dengan memenangi tempat pertama dari tahun 2019 hingga 2022. Walaubagaimanapun, dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan ICT dan pengurusan Universiti (JPIPU) Bil.1/2023 telah memutuskan PLH dikeluarkan penyertaannya dalam pertandingan ini dan diminta untuk membantu PTj/PBU yang memerlukan rujukan dan penambahbaikan laman web masing-masing.

Justeru itu, Seksyen Sistem & Teknologi Maklumat mengambil inisiatif mengadakan program perkongsian pengurusan dan penilaian kriteria laman web Pusat Tanggungjawab (PTj) dalam usaha menonjolkan peranan perpustakaan dalam memacu aktiviti ilmu supaya sentiasa relevan dengan fungsinya.

Antara objektif penganjuran ini adalah :-

- Usaha dan inisiatif untuk perkongsian pengetahuan, kemahiran dan pengalaman melalui penganjuran aktiviti-aktiviti Perpustakaan.
- Meningkatkan imej Perpustakaan Laman Hikmah dalam penganjuran aktiviti keilmuan yang memberi manfaat kepada staf khususnya dan warga universiti secara umumnya.
- Menggalakkan perkongsian pengalaman dan pengetahuan kepada Penyelaras Laman Web PTj dalam pengurusan dan penilaian kriteria laman web PTj.
- Memantapkan ilmu dan kemahiran Penyelaras Laman Web PTj dalam pengurusan laman web sedia ada dalam organisasi.



Program ini diadakan sebanyak 2 sesi pada 26 September 2023 (Selasa) selama 2 jam bertempat di Bilik Latihan yang melibatkan seramai 31 orang Penyelaras Laman Web PTj.

Secara keseluruhannya, penilaian peserta program terhadap keberkesanan penceramah, kandungan dan keseluruhan perkongsian berada di tahap yang amat baik. Peserta program juga telah memberikan cadangan penambahbaikan di antaranya adalah penganjuran program seumpama ini dapat dilaksanakan di setiap PTj, program diteruskan di setiap tahun dan dijadikan kursus pembangunan laman web kepada penyelaras.

PERSIDANGAN TAHUNAN PERPUSTAKAAN MALAYSIA

Oleh: Rasida binti Abu Bakar



Persidangan Tahunan Perpustakaan Malaysia (PTPM) 2023 telah berlangsung dengan jayanya pada 2 hingga 4 Ogos 2023 di Dewan Al-Jazari, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam, Selangor yang bertemakan "Masyarakat Digital Madani: Peluang Memacu Perubahan". Manakala lima subtema PTPM disediakan iaitu Kecerdasan buatan dan sistem pakar: Memperkasa masa depan Perpustakaan, Perpustakaan dan masyarakat Madani digital: Amalan & prospek, Perpustakaan komuniti: Duta warga Madani digital, Perpustakaan sekolah dan keperluan baharu generasi Madani digital, dan Mentakrifkan semula penggunaan media sosial dalam era digital. Penyertaan PTPM terbuka kepada pustakawan dari pelbagai jenis perpustakaan yang merangkumi perpustakaan awam negeri, perpustakaan politeknik, perpustakaan universiti awam dan swasta, perpustakaan desa, perpustakaan negara, perpustakaan sekolah, ahli akademik, pakar maklumat dan syarikat-syarikat yang berkaitan dengan perkhidmatan dalam bidang keperpustakawanan, maklumat, teknologi dan digital.

Persidangan ini telah menyaksikan wakil dari Perpustakaan Laman Hikmah, Cik Rasida binti Abu Bakar sebagai pembentang kertas persidangan dengan tajuk "Media Sosial Pemangkin Keterlihatan Perpustakaan Laman Hikmah". Penulisan kertas persidangan ini melibatkan Cik Rasida Abu Bakar sebagai penulis utama, manakala Puan Nurul Akmar binti Mehat dan Puan Norshahila binti Che Din sebagai penulis bersama. Selain itu, Cik Rasida Abu Bakar turut menyumbang sebagai penulis bersama dalam kertas persidangan yang bertajuk "Media sosial sebagai media interaktif antara pustakawan, perpustakaan dan masyarakat dalam era digital: Satu tinjauan" yang dihasilkan bersama dengan Puan Harisom Anida binti Musa, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah, Universiti Malaysia Terengganu dan Encik Nurul Kashfi bin Subri, Pustakawan Kanan, Perpustakaan Tuanku Bainun, Universiti Perguruan Sultan Idris.

Persidangan Tahunan Perpustakaan Malaysia (PTPM) 2023 kali ini telah dirasmikan oleh Sasterawan Negara Keenam, YBhg. Profesor Emeritus Dr. Muhammad bin Haji Salleh yang juga merangkap sebagai penyampai ucapnama. Manakala, ucapan aluan pula disampaikan oleh YBrs. Dr. Ghazali Bin Mohamed Fadil selaku Presiden Persatuan Pustakawan Malaysia.

'PUBLISHER TALK'

Oleh: Hasliza binti Mohamed

Publisher Talk merupakan aktiviti tahunan yang dianjurkan oleh Seksyen Penyelidikan dan Maklumat sebagai salah satu aktiviti bagi menyokong perkhidmatan penyelidikan di UTeM.

Publisher Talk memberi peluang kepada pihak penerbit untuk berkongsi ilmu, pengalaman, perkembangan semasa, kaedah menghantar manuskrip penerbitan, persediaan kertas penyelidikan, 'research best practice', jurnal bereputasi, SCOPUS 'author profile', 'open access' dan jangkaan masa hadapan berkaitan dengan dunia penyelidikan.

Bagi tahun 2023, dua (2) Publisher Talk telah diadakan secara atas talian dengan menggunakan platform WEBEX dan Microsoft Team. Penyertaan bagi program tersebut terdiri daripada staf pentadbiran, pelajar, dan staf akademik. Penerbit yang terlibat merupakan penerbit yang membekalkan pangkalan data yang dilanggan oleh Perpustakaan Laman Hikmah.

Berikut adalah maklumat berkenaan program tersebut:

Tarikh	Masa	Tajuk	Penceramah	Platform
03 April 2023	10.30AM-12.00PM	IEEE Xplore For Technical Research	Alex Liu Yupeng	WEBEX
31 Oktober 2023	10.30AM-12.00PM	Elsevier : Where To Publish?	Dr. Benny Ang	TEAMS Meeting



DEMO & LATIHAN PANGKALAN DATA

Oleh: Hasliza binti Mohamed

Beberapa sesi demo penggunaan pangkalan data secara dalam talian bersama pihak penerbit telah dianjurkan oleh PLH kepada warga UTeM melalui platform Webex dan Microsoft Teams. Demo pangkalan data ini merupakan aktiviti tahunan bagi memberi kesedaran kepada pengguna serta mempromosikan perkhidmatan pangkalan data yang ditawarkan di PLH sama ada baru atau sedia ada bagi menggalakkan penggunaan dan sekaligus meningkatkan statistik penggunaan yang menyokong kepada pembaharuan langganan pangkalan data setiap tahun.

Melalui demo ini, pihak penerbit akan berkongsi maklumat terkini mengenai kandungan pangkalan data disamping membimbing peserta menggunakan pangkalan data secara terperinci seperti pencarian artikel secara 'Advanced Search', cara memuat turun artikel penuh, penerimaan notifikasi artikel baharu dan sebagainya.

Tarikh	Tajuk	Penceramah	Tempat
02/03/2023	Turnitin Training For UTeM Lecturers	Mazlan Abdul Latif	WEBEX
21/03/2023	Sciadirect & Scopus Training	Mrs Yu Lang	WEBEX
15/06/2023	Web Of Science & Journal Citation Reports Training	Dju-Lyn Chng	WEBEX
20/06/2023	Turnitin Training For UTeM Lecturers In Conjunction With PLH Research Support Week 2023	Mazlan Abdul Latif	Bilik Pangkalan Data
22/06/2023	Emerald User Training In Conjunction With PLH Research Support Week 2023	Bernice Wong	WEBEX
23/10/2023	Proquest Dissertations And Theses Global Training 2023	Ms. Kuninji Malar K.	TEAMS Meeting
20/11/2023	Turnitin Training For UTeM Lecturers	Cynthia Ong	TEAMS Meeting



LAWATAN PANEL PENILAI AKREDITASI PENUH DARI PIHAK ENGINEERING ACCREDITATION COUNCIL (EAC) & ETAC

Oleh: Harulrizam bin Mohamed @ Ghazali



Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) telah menerima Lawatan Panel Penilai Akreditasi Penuh dari pihak Engineering Accreditation Council (EAC) dan Engineering Technology Accreditation Council (ETAC) pada 16 - 17 Oktober 2023. Lawatan Penilaian Akreditasi Penuh kali ini melibatkan 11 buah program dan Perpustakaan Laman Hikmah terlibat dalam menerima kunjungan panel bagi slot lawatan fasiliti.

PLH CLEANUP DAY

Oleh: Suhadawati binti Ahmad



World Cleanup Day (WCD) merupakan sebuah program global tahunan yang bertujuan menangani sisa pepejal termasuk sisa di laut. WCD melibatkan aktiviti pembersihan secara serentak atau lebih mudah ditafsirkan sebagai program gotong-royong membersihkan sesebuah kawasan dan lokasi.

Justeru, UTeM di bawah Pejabat Pusat Alam Sekitar (CENSEi) telah dipertanggungjawabkan untuk menyambut inisiatif ini dalam usaha penjagaan kampus yang bersih, mampan dan sejahtera. Sebagai tanda sokongan Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) terhadap program yang dianjurkan, PLH telah mengadakan aktiviti gotong royong sempena WCD pada 19 September 2023 di semua bahagian dan aras. Hasil daripada pengumpulan bahan sisa pepejal yang boleh dikitar semula, PLH telah mengumpul sebanyak RM60.00 hasil kerjasama dengan pihak CENSEi.

Bagi menyokong usaha ini, seramai 60 orang staf telah berjaya di daftarkan sebagai Sukarelawan Hero Kebersihan. Aktiviti ini secara tidak langsung telah menggalakkan pembudayaan amalan kitar semula dalam kalangan staf dan mengangkat agenda SDG 12 dalam dalam pembudayaan amalan 3R.

LAWATAN LUAR KE PLH

Oleh: Mez Zelina binti Yusof

Lawatan sambil belajar ini bertujuan mendedahkan kepada para pelajar mengenai kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan di PLH di samping memenuhi syarat tugas pentaksiran berterusan pelajar.

Selain bertujuan untuk memperluaskan pengetahuan pelajar tentang bidang Elektrik, Elektronik dan Teknologi Maklumat (IT) yang ada di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) ianya diharapkan dapat meningkatkan minat semangat belajar dan kerjaya dalam diri pelajar.

Lawatan ini sebagai penanda aras dan pendedahan kepada para pelawat tentang tanggungjawab dan pengurusan perpustakaan yang lebih mantap dan efisien. Antara pelawat yang telah datang melawat PLH sepanjang 2023 seperti :

- SK (Felda) Jengka 18, Pahang
- Kolej Vokasional Melaka Tengah
- SMK Dato' Perdana, Bachok, Kelantan
- International College of Yayasan Melaka (ICYM)
- Kolej Vokasional Port Dickson, Negeri Sembilan
- Perpustakaan Politeknik Merlimau Melaka
- Universitas Pembangunan Nasional Veteran Yogyakarta
- Sekolah Kebangsaan Datu' Hashim, Pengkalan Chepa, Kelantan





PERTANDINGAN BINTANG PATRIOTIK MADANI

Oleh: Mez Zelina binti Yusof



Pertandingan Bintang Patriotik Madani telah diadakan oleh PLH bersempena dengan Bulan Kemerdekaan dan Hari Malaysia telah berlangsung pada 26 September 2023. Pertandingan tersebut telah berlangsung di Ruang Legar, Perpustakaan Laman Hikmah.

Pertandingan ini telah disertai oleh 10 orang peserta yang terdiri daripada tiga orang Staf dan tujuh Pelajar. Pemenang bagi pertandingan tersebut menerima wang tunai berjumlah RM 200 bagi tempat pertama, RM 150 bagi Naib Juara, RM 100 bagi tempat ketiga dan RM 50 bagi tiga tempat saguhati. Bagi persembahan terbaik juga pemenang turut menerima wang tunai sebanyak RM 50.



PAMERAN MAYA

Oleh: Azman bin Amir

Pameran maya merupakan alternatif kedua yang digunakan di Perpustakaan Laman Hikmah bagi menyebarkan luas maklumat. Maklumat pameran disediakan dalam format digital dengan tema yang berlainan setiap bulan

Pameran maya ini boleh diakses di: <https://library.utem.edu.my/ms/pameran.html>

Objektif pameran maya diadakan untuk berkongsi maklumat, isu-isu semasa, sejarah dan topik-topik yang berkaitan dengan pengetahuan umum kepada Pengguna Perpustakaan agar dapat meningkatkan lagi pengetahuan umum pengguna perpustakaan.

Bulan	Tajuk pameran
Julai	Populasi Dunia
	Peristiwa Jambatan Marco Polo
	Gempa Bumi, Nigata Jepun
Ogos	Tun Hussien Onn
	Rosli Dhobi
	Haji Abdul Rahman Limbong
September	Institutional Repository (IR)
	Fungsi Perpustakaan Digital di dalam sumber penyebaran maklumat
	Perpustakaan sebagai sumber penyelidikan
Oktober	Hari Anti Kekerasan Sedunia
	Pengepungan Yerusalem
	Hari Hangul
November	Kesalahan penyebaran berita palsu di media sosial
	Media Sosial (Kebaikan vs Keburukan)
	Media Sosial PLH
Disember	Hari Buku dan Hakcipta Sedunia
	Hari Bumi Sedunia
	Hari Neutraliti Antarabangsa



PROGRAM DERMA DARAH

Oleh: Arman bin Mohammad

Bersempena Pesta Konvo TUAH - 19, Majlis Perwakilan Pelajar dengan kerjasama Kelab Rakan Kesihatan (KRK) dan Pusat Kesihatan UTeM (PKU) telah menganjurkan 'Give Blood Give Life' iaitu program derma darah bertempat di Perpustakaan Laman Hikmah, UTeM. Mari sama-sama kita menderma. Setitis darah seribu makna.

Program tersebut berlangsung pada 1 November 2023 (Rabu) bermula dari jam 10.00 pagi hingga 4.00 petang bertempat di ruang lobi Perpustakaan Laman Hikmah.

Program ini terbuka kepada semua warga UTeM.

**GIVE BLOOD
GIVE LIFE**

PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH

1 NOVEMBER 2023 / RABU

10.00 PAGI - 4.00 PETANG

TERHAD KEPADA 150 ORANG

MAKANAN UNTUK PENDERMA

Dengan kerjasama :

Logos: UTeM, Pesta Konvo TUAH-19, MPP UTeM, TUAH, @MPPUTEM2023



LATIHAN KEBAKARAN 2023 PLH

Oleh: Mahadir bin Che Ali

JK Keselamatan dan Kesihatan Pekerja Bangunan PLH



Kefahaman pengguna bangunan Perpustakaan Laman Hikmah tentang konsep pengungsian bangunan perlu dibuat menerusi pengalaman simulasi insiden kebakaran, iaitu latihan pengungsian bangunan secara situasi sebenar (Real Time).

Latihan kebakaran (pengungsian bangunan) pernah dilaksanakan di PLH pada tahun 2014, 2018 dan 2022 yang telah dipertanggungjawabkan kepada Organisasi Keselamatan Kebakaran (OKK), Bangunan Perpustakaan Laman Hikmah merujuk kepada Akta Perkhidmatan Bomba 1998 (Dengan ini diperakui juga bahawa suatu organisasi keselamatan kebakaran telah ditubuhkan dan suatu Pelan Tindakan Kebakaran dan Laporan Keselamatan Kebakaran telah disediakan, berkenaan dengan premis ditetapkan).

Antara objektif penganjuran latihan kebakaran ini adalah :-

- Keperluan latihan kebakaran untuk memperbaharui sijil perakuan bomba 'fire certificate' bangunan Perpustakaan Laman Hikmah, Kampus Induk setiap tahun di bawah pengawasan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
- Memastikan Organisasi Keselamatan Kebakaran (OKK) melaksanakan tugas dan arahan dengan tepat dan berkesan.
- Bagi menguji peralatan kebombaian seperti loceng kecemasan, salur bantu mula, pemadam kebakaran dan lain-lain berfungsi dengan baik.
- Pemantapan kerjasama antara PTj dalam Universiti seperti Bahagian Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Bahagian Keselamatan, Pusat Kesihatan Universiti dan pihak luar seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia sekiranya berlaku kebakaran.
- Menepati tempoh lima minit untuk proses pengungsian bangunan dan berkumpul di tempat selamat (Assembly Point).

Latihan kebakaran bangunan Perpustakaan Laman Hikmah, Kampus Induk telah diadakan pada 21 Disember 2023 (Khamis) tepat jam 9.00 pagi. Secara keseluruhannya, latihan kebakaran bangunan Perpustakaan Laman Hikmah, Kampus Induk, UTeM telah mendapat maklum balas positif daripada Pegawai Bomba Dan Penyelamat Ayer Keroh, Melaka dan penganjuran latihan kebakaran ini telah dilaksanakan dengan jayanya.

AUDIT MATRIK PENGURUSAN TENAGA PTJ UTEM (MAPTEP) 2023

Oleh: Norazizah binti Md Tahir
Penolong Pengurus Tenaga PLH



Seperti yang dijadualkan oleh pihak Pusat Alam Sekitar Pintar (CENSEi), Perpustakaan Laman Hikmah telah di audit oleh dua (2) orang juruaudit dalam UTeM iaitu Professor Madya Ir. Dr. Lokman bin Abdullah dari Fakulti Teknologi Dan Kejuruteraan Industri Dan Pembuatan (FTKIP) dan Profesor Madya Dr. Rozaimi bin Ghazali dari Fakulti Teknologi Dan Kejuruteraan Elektrik (FTKE). Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) diwakili Cik Norazizah binti Md Tahir selaku Penolong Pengurus Tenaga di PLH. Turut hadir ialah Puan Siti Saluwa binti Jamal, Ketua Pustakawan pada sesi pembukaan dan penutup audit MaPTeP 2023.

Pada tahun ini, terdapat sembilan (9) kriteria yang di audit dan mempunyai rubrik pemarkahan antaranya ialah;

Polisi, Komitmen, Laporan, Inovasi, Sumber Manusia (Pembangunan Staf), Pelaburan, Dokumentasi, Energy Target & Plan, Bonus. Penarafan bagi keputusan audit MaPTeP adalah mengikut jadual indikator seperti dibawah;

	SKOR PURATA LEBIH DARI 3.5 MARKAH
	SKOR PURATA LEBIH DARI 2.5 MARKAH
	SKOR PURATA LEBIH DARI 1.5 MARKAH

Turut berlangsung sama adalah penilaian bagi Cabaran Sudut Tenaga dan Amalan Hijau Menarik PTj di UTeM. Kriteria pertandingan ini mengambil kira pengisian pada sudut, kreativiti, keseimbangan dan kekemasan, lokasi dan kekerapan kemaskini serta inisiatif inovasi. Pertandingan ini juga menawarkan hadiah wang tunai kepada PTj yang berjaya.

PROGRAM KESEDARARAN PENGURUSAN TENAGA & PEROLEHAN HIJAU KERAJAAN

Oleh: Norazizah binti Md Tahir
Jawatankuasa Tenaga PLH

**SESI 1 :
TAKLIMAT KESEDARAN
PENGURUSAN TENAGA**

**SESI 2 :
TAKLIMAT
PEROLEHAN HIJAU
KERAJAAN (GGP)**

**29 OGOS 2023 (SELASA)
3.00 - 4.30 PETANG**

**DR. JOHANNA ABDULLAH
JAAFAR**
PENSYARAH KANAN
FAKULTI PENGURUSAN
TEKNOLOGI USAHAWAN (FPTT)

QR Code

Perpustakaan Laman Hikmah

Zoom Meeting Screenshot showing participants: AR, MN, MR, NA, AB, and others.

Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) memaklumkan tujuh kawasan di Semenanjung dan dua di Sabah diramal mengalami cuaca panas Tahap 1 (Berjaga-jaga), sekurang-kurangnya untuk tiga hari berturut-turut dengan suhu maksimum boleh mencecah antara 35 dan 37 darjah Celsius. Justeru, isi rumah di seluruh negara pasti akan mengalami lonjakan bil elektrik bagi menampung penggunaan peralatan elektrik yang menggunakan sistem penyejuk, sistem pemanas dan alat bermotor seperti penyaman udara, penyejuk beku, peti sejuk, mesin pengering, mesin basuh, dan pam air.

Namun, penggunaan tenaga yang cekap mampu membendung lonjakan bil elektrik yang tinggi. Atas dasar ini, Jawatankuasa Pelaksana Pengurusan Tenaga, Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) telah menjemput Dr. Johanna Abdullah Jaafar, Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan Teknologi Usahawan (FPTT) untuk menyampaikan taklimat kesedaran pengurusan tenaga dan perolehan hijau kerajaan (GGP).

Bagi menguji tahap pemahaman dan keberkesanan taklimat tersebut, Jawatankuasa Pelaksana Pengurusan Tenaga turut menganjurkan kuiz pemahaman secara dalam talian kepada warga PLH pada 29 Ogos 2023. Objektif utama penganjuran ini adalah ;

- Meningkatkan pemahaman semua staf PLH berkaitan Perolehan Hijau Kerajaan (GGP).
- Mengukur pemahaman semua staf PLH berkaitan Perolehan Hijau Kerajaan (GGP).
- Mempergiatkan usaha-usaha mempelbagaikan aktiviti kesedaran kepada staf PLH untuk pengurusan tenaga yang cekap bagi penjimatan universiti.
- Strategi dalam menarik perhatian staf tentang kesedaran penggunaan tenaga cekap.



LENSA MYHIKMAH 2023





LENSA MYHIKMAH 2023



PROGRAM RISE UP TOGETHER @ SEKOLAH HENRY GURNEY

Oleh: Nurul Akmar binti Mehat



Program anjuran bersama Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) & Pusat Pengurusan Alumni Dan Kebolehpasaran Graduan (PPAKG), Hal Ehwal Pelajar Alumni (HEPA), UTeM.

Penganjuran bersama program-program universiti antara PLH dan PPAKG telah bermula pada tahun 2021. Jalinan kolaborasi yang erat ini diteruskan dengan penganjuran program bersama komuniti di mana kedua-duanya mengambil pendekatan untuk menyebarkan peranan PLH dan PPAKG bersama komuniti di Sekolah Henry Gurney, Telok Mas Melaka (SHGTM). Antara objektif penganjuran program ini adalah untuk berkongsi ilmu, inspirasi dan kepimpinan serta menyemai kasih sayang dan prihatin kepada komuniti.

Program ini melibatkan seramai 50 orang pelajar Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka yang berumur dalam lingkungan 16 hingga 21 tahun. Turut hadir adalah 13 orang pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang terdiri daripada Kelab Sahabat PLH. Antara pengisian program ini adalah dua program bual bicara yang bertajuk 'Nak Berniaga? Kacang Jerr.' dan 'Hujung Jari Pun Boleh Berniaga...' yang disampaikan oleh alumni UTeM sendiri iaitu Puan Nur Fatimah binti Fadzil dan Encik Zaid bin Mohd Sa'at. Kedua-duanya merupakan usahawan dan ahli perniagaan yang berjaya.



Selain daripada program bual bicara, penghuni-penghuni juga telah disediakan dengan beberapa aktiviti berkumpulan seperti 'Lakon dan Teka' dan 'Tukar Lirik Lagu' yang juga disertai oleh pelajar-pelajar UTeM. Pada sebelah petang, program ini diteruskan dengan pertandingan 'Indoor Games' di mana pertandingan ini melibatkan keseluruhan penghuni yang menyertai program ini dan beberapa pegawai SHGTM turut sama berentap dengan pelajar-pelajar UTeM. Acara yang dipertandingkan bagi sukan ini diantaranya adalah dam haji, congkak, catur dan karom yang dimainkan secara liga. Bagi penghuni yang tidak menyertai acara 'Indoor Games', mereka juga telah disediakan dengan aktiviti yang menguji minda mereka seperti mengapungkan klip kertas di dalam air, menyusun cawan kertas menggunakan belon dan lompat beracun.

Kemeriahan program ini disemarakkan dengan lenggok tarian bewarna-warni iaitu tarian yang diberi nama Tarian Selamat Datang oleh penghuni-penghuni wanita dan pasukan pancaragam beserta tiupan 'bag pipe' menyambut dan mengiringi Pengarah Sekolah Henry Gurney, Telok Mas, Melaka Yang Dihormati PKP Zan Azim bin Aziz diiringi oleh Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, Yang Berusaha Encik Arman bin Mohammad pada sesi Majlis Penutup Program Rise Up Together @ Sekolah Henry Gurney, Telok Mas Melaka berarak masuk ke dalam Dewan Seroja. Pengarah SHGTM sangat teruja dan berterima kasih kepada pihak PLH dan PPAKG kerana sudi mengadakan program bersama SHGTM. Program ini diakhiri dengan penyampaian hadiah kepada penghuni-penghuni yang berjaya di dalam pertandingan bagi sesi pagi dan petang.



ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG & JASA BAKTI

Oleh: Harulrizam bin Mohamed @ Ghazali

Penganugerahan ini merupakan satu platform bagi pihak pengurusan tertinggi UTeM untuk menzahirkan rasa penghargaan kepada kepada warga UTeM di atas kualiti perkhidmatan yang cemerlang selain meningkatkan semangat kerja dan kebanggaan di kalangan warga Universiti.

Tahniah diucapkan kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Anugerah Jasa Bakti (AJB) 2022 dari Perpustakaan Laman Hikmah. Penerima-penerima anugerah ini telah diraikan di peringkat Universiti melalui Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Anugerah Sanjungan Universiti pada 10 Ogos 2023.

Melalui penganugerahan ini dapat dijadikan pembakar semangat kepada staf PLH lain untuk sama-sama meningkatkan prestasi perkhidmatan demi mencapai matlamat organisasi.



Duduk sendiri di pokok kantan
Memerhati helang mencari makan
Anugerah diberi tanda ingatan
Perkhidmatan cemerlang diutamakan

Menyeberangi titi hati pun senang
Terang rembulan pamer keceriaan
Jasa bakti tetap dikenang
Seiring jalan memacu kejayaan

KUMPULAN ALPHA DI KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF KREATIF KE-7

Oleh: Mez Zelina binti Yusof



Penyertaan Kumpulan KIK Alpha PLH pada Pertandingan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Kali Ke-7 Peringkat UTeM telah diadakan pada 7 Disember 2023 di Dewan Auditorium Fakulti Teknologi dan Kejuruteraan Industri dan Pembuatan (FTKIP).

Kumpulan KIK ALPHA, Perpustakaan Laman Hikmah telah memilih projek Peratusan Pinjaman Bahan Dibeli Rendah/Kurang. Projek ini adalah bertujuan untuk meningkatkan pinjaman serta bagi mendapatkan pulangan ROI kepada Universiti dan Perpustakaan Laman Hikmah. Pada konvensyen tersebut PLH mendapat tempat saguhati.

Kumpulan ALPHA

Fasilitator : Encik Zaidi Bin Saad

Ketua Kumpulan : Puan Mez Zelina Binti Yusof

Ahli Kumpulan :

1. Mahadir Bin Che Ali
2. Muhammed Rashid Bin Mat Derus
3. Norhairol Bin Khalid
4. Mohd Syahrizal Bin Mohd Razali



Tahniah Kumpulan KIK Alpha PLH mendapat tempat saguhati dalam pertandingan KIK UTeM kali ini.

TEMPAT PERTAMA DALAM PERTANDINGAN PTJ TERINDAH (SUDUT 5ST)

Oleh: Fauziah binti Hassan

Sesi penyampaian hadiah Pertandingan PTJ Terindah (Sudut 5ST) telah berlangsung bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Aras 5 Bangunan Canselor. Pertandingan ini dianjurkan oleh PPSKR bersempena Sambutan ke 22 Tahun UTeM.

Perpustakaan Laman Hikmah diumumkan sebagai pemenang pertama bagi pertandingan PTJ Terindah (Sudut 5ST) menewaskan PTJ lain dengan menerima wang kemenangan berjumlah RM500.00. Pertandingan ini melibatkan semua PTJ di PLH. Tahniah kepada Jawatankuasa Pertandingan PTJ Sudut Terindah (Sudut 5ST) PLH yang telah bertungkus-lumus mencurahkan kreativiti dan usaha dalam menjayakan sudut 5ST ini.

SUDUT 5 ST @PLH

PELAN STRATEGIK UTeM 2023-2025



SUTAF 2023

Oleh: Harulrizam bin Mohamed @ Ghazali



Pusat Sukan, HEPA, UTeM dengan kerjasama BAKUTeM telah menganjurkan Kejohanan Sukan Staf UTeM (SUTAF) 2023 pada 25 hingga 29 September 2023 bertempat Kompleks Sukan UTeM yang melibatkan 12 acara sukan iaitu seperti bola sepak, badminton, sukan elektronik, tenpin boling, ping pong, sepak takraw, berbasikal, petanque, bola tampar, catur, boling padang & bola jaring.

Kejohanan Sukan Staf merupakan acara tahunan yang di anjurkan bagi staf bersaing dan bertanding meraih pingat dalam acara sukan yang diwakili. Staf dari jabatan bergabung dan dibahagikan kepada 8 pasukan utama iaitu Pasukan Tuah. Tun Fatimah, Lekir, Lekiu, Kasturi, Tun Perak, Jebat dan Tun Teja. Perpustakaan Laman Hikmah telah bergabung bersama Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan Pendaftar membentuk Pasukan Tun Fatimah.

Pada tahun ini juara keseluruhan Kejohanan Sukan Staf telah dimiliki oleh Pasukan Tuah manakala Pasukan Tun Fatimah mendapat Naib Johan dalam majlis rasmi penutup yang diadakan pada 6 Disember 2023.

Semoga platform sukan ini dapat merapatkan lagi hubungan silaturahim antara staf – staf UTeM. Tahniah kepada semua atlit Pasukan Tun Fatimah atas semangat kesukanan yang ditunjukkan. Semoga berjumpa lagi pada tahun 2024.

BACAAN YASSIN

Oleh: Wizana binti Abd. Jalil



Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) telah mengadakan beberapa siri bacaan Yassin, doa selamat dan tahlil sepanjang bulan Julai hingga Disember 2023. Bacaan Yasin dan doa ini telah dipimpin oleh Encik Ahmad Tarmizi bin Abdul Hadi dan Encik Azman bin Amir. Tujuan aktiviti ini diadakan adalah untuk mengajak seluruh warga PLH bermunajat dan memohon kerahmatan serta perlindungan Allah SWT agar dipelihara, dilindungi dan dipermudah segala urusan serta kesihatan. Aktiviti ini kerap diadakan pada hari Jumaat pada sebelah pagi bagi mengambil peluang keberkatan penghulu segala hari. Pada hari aktiviti ini diadakan, tabung infak disediakan bagi mengalakkan warga PLH bersedekah sama ada dari segi wang ringgit atau menyumbang makanan kepada staf yang hadir.

Abu Hurairah (RA) meriwayatkan bahawa Rasulullah (ﷺ) bersabda, "Sedekah sama sekali tidak mengurangkan kekayaan. Dan hamba yang mengampuni (orang lain), Allah menambahkan kehormatannya, dan orang yang merendah hati, Allah mengangkat kedudukannya."

Justeru, sekalung ucapan ribuan terima kasih diucapkan kepada semua warga PLH yang telah hadir sekaligus menjayakan bacaan Yasin sepanjang ianya diadakan. Semoga doa dan bacaan Yasin tersebut dapat diangkat sebagai amal soleh tanda kita bersyukur dan bersabar atas apa jua ketentuan Allah SWT dalam menjalani kehidupan ini.

MAJLIS APRESIASI LISTAC

Oleh: Hasliza binti Mohamed



Majlis Apresiasi LISTAC merupakan satu program yang dirancang oleh AJK LISTAC bermula tahun 2022 dan dilaksanakan dengan jayanya pada tahun 2023. Majlis dianjurkan pada 30 September 2023 (Rabu) bertempat di Swiss Garden Hotel, Melaka bermula jam 2.00 petang hingga 5.00 petang dengan bertemakan warna biru dan merah jambu.

Ianya dirancang sebagai menghargai ahli-ahli di atas kerjasama mereka yang sentiasa menyokong semua aktiviti yang dianjurkan oleh LISTAC sepanjang ianya dijalankan. Selain itu, majlis ini turut menyediakan anugerah khas Penghargaan Staf 2023 bagi memberi pengiktirafan kepada staf yang dinilai oleh rakan sekerja berdasarkan kualiti individu dan populariti. Ianya sebagai pemangkin kepada usaha dalam meningkatkan kebertanggungjawab dalam menyumbang tenaga dan usaha kepada jabatan. Penghargaan boleh dijadikan contoh dan ikutan, serta memberi pengaruh yang menggerakkan daya usaha staf yang lain.

Pelbagai aktiviti menarik turut diadakan untuk menyerikan lagi majlis seperti pemberian 'goodies' kepada ahli yang hadir, cabutan bertuah, permainan teka-teki, jamuan hi-tea dan karaoke.





Berikut adalah penerima Anugerah Khas Penghargaan Staf 2023 mengikut kategori :

1) Kategori Platinum : Anugerah berdasarkan kualiti individu yang dinilai oleh rakan sekerja

Staf Prihatin – Zaidi bin Saad

Staf Cergas - Mohd Syahrizal bin Mohd Razali

Staf Inspirasi – Ahmad bin Abu Bakar

Staf Kreatif - Nor Aini binti Md Jali

2) Kategori Emas: Anugerah berdasarkan populariti individu "terpaling..." yang dinilai oleh rakan sekerja

Staf Paling Ceria - Muhammed Rashid bin Mat Derus

Staf Paling Dedikasi - Ahmad bin Abu Bakar

Staf Paling Bergaya - Norfaradilla Idayu binti Ab. Ghaffar

Staf Paling Tegas - Nor Ilyah binti Othman

Staf Paling Popular - Suhadawati binti Ahmad



MAJLIS PERSARAAN DAN PERPINDAHAN STAF KE PTJ LAIN

Oleh: Hasliza binti Mohamed



PLH telah menganjurkan majlis persaraan kepada Puan Jumakyah binti Yacoob dan pertukaran jabatan kepada Encik Mohd Ikbar bin Abdul Jabbar. Kedua-dua mereka telah berkhidmat selama 19 tahun di PLH bermula tahun 2004 – 2023. Puan Jumakyah memilih untuk bersara pilihan yang akan bermula pada 2 Januari 2024 diikuti Encik Ikbar yang akan berpindah ke Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi pada tarikh yang sama.

PLH mendoakan agar mereka bergembira dengan persekitaran yang baru dan senantiasa di dalam rahmat dan berkat Allah.



BIBLIOTERAPI KE ARAH PENGWUJUDAN TERAPI DALAM 'MOOD' ATAU SUASANA DI PERPUSTAKAAN

Oleh: Iffah Izzati binti Maslan
Pelajar Latihan Industri

Pada alaf baharu ini, perpustakaan dilihat semakin mendapat jolokan menjadi salah satu sumber rujukan yang boleh dipercayai dalam menyebarkan maklumat, informasi, termasuk segala bentuk perkhidmatan kepada pengguna yang datanginya dari pelbagai batasan umur. Sejajar juga dengan kepelbagaian dalam memberi perkhidmatan yang sesuai mengikut piawaian dan keperluan pengguna pada masa kini. Sebagai salah satu bentuk peranan dan inisiatif perpustakaan yang sedikit sebanyak perlu diketengahkan secara berkala mengenai pengenalan tentang kebaikan, kepentingan dan pelaksanaan biblioterapi kepada para pengguna. Perkhidmatan biblioterapi mungkin kedengaran baru namun terapi ini telah banyak memberi keberkesanan bimbingan dari segi masalah emosi, sosial, psikologi dan lain-lain terutama di negara-negara membangun. Biblioterapi mula diperkenalkan pada awal abad ke 19 yang kebanyakannya berpusat di negara barat seperti United Kingdom, Amerika Syarikat, Australia dan seterusnya berkembang pesat di negara-negara Asia seperti contoh di Korea Selatan serta Indonesia yang banyak mengetengahkan pelaksanaan terapi membaca ini kepada pengguna.

Umum juga mengetahui bahawa biblioterapi dikenali sebagai salah bentuk terapi dengan menggunakan bahan bacaan yang sesuai seperti buku, puisi, sajak, seni muzik, lukisan, seni penulisan bagi membantu seseorang apabila menghadapi masalah kebiasaan seperti tekanan yang selalunya dihadapi oleh golongan dewasa yang lebih terdedah kepada persekitaran pekerjaan yang bertujuan untuk mencapai penyembuhan jiwa. Pengguna dapat mengekspresikan perasaan, pandangan mereka melalui cara-cara sebegini.


Di Malaysia, Persatuan Biblioterapi Malaysia (PERBIMA) ditubuhkan pada 31 Oktober 2017 dan diketuai oleh presiden persatuan tersebut iaitu Yang Berbahagia Puan Rafidah binti Abdul Aziz, beliau serta rakan-rakan seperjuangannya di persatuan itu turut bergiat aktif dalam menyebarkan keberkesanan serta meningkatkan kesedaran dalam penggunaan biblioterapi ini melalui bengkel-bengkel, program kepada orang awam. Sehubungan itu, perpustakaan perlu mengambil peluang terbaik dalam merancang pengwujudan program strategik demi menyokong meluaskan pengetahuan yang lebih mendalam terhadap biblioterapi ini serta meluaskan pengaruh PERBIMA kepada orang awam. Antara cadangan inisiatif yang perlu dibuat oleh pihak perpustakaan adalah seperti;



- Program-program, aktiviti atau bengkel, sudut serta ruang yang disediakan khususnya berasaskan terapi ini di dalam perpustakaan yang boleh diaplikasikan kepada para pengguna kelak.
- Meluaskan rangkaian serta kolaborasi para pustakawan di perpustakaan bersama kelab-kelab pembimbing, agensi luar, kaunselor yang turut terlibat dalam sesuatu program atau bengkel demi merealisasikan kepentingan biblioterapi.
- Memperluaskan promosi seperti poster-poster melalui portal web rasmi perpustakaan, laman rasmi sosial media mengenai konsultasi yang ditawarkan oleh perpustakaan untuk menarik perhatian pengguna menggunakan perkhidmatan tersebut.
- Pemilihan bahan bacaan serta koleksi bahan bacaan yang berunsurkan pembacaan yang santai, motivasi, kerohanian yang tidak memerlukan skala pembacaan yang terlalu berat kepada para pembaca.

Kajian dan statistik peratusan dari artikel pengarang Belfere ML menunjukkan bahawa sebanyak 20% kanak-kanak dan remaja mengalami gangguan mental setiap tahun dan kadarnya meningkat apabila telah mencapai sekitar akil baligh. Memetik akbar dari Astro Awani menulis, menurut Presiden Persatuan Kesihatan Mental Malaysia (MMHA) pula menyatakan bahawa statistik kadar kemurungan di Malaysia berada pada tahap yang membimbangkan dan berharap pihak berwajib cakna dan merancang dalam menangani masalah tersebut. Namun, perancangan-perancangan seperti diatas secara tidak langsung mampu meningkatkan kesedaran pengetahuan mengenai biblioterapi dalam menangani permasalahan dan juga meningkatkan kesedaran kesihatan mental, mengurangkan tekanan, serta gejala-gejala gangguan berkenaan penyakit mental dan seterusnya mengurangkan kadar kemurungan dengan mengaplikasikan terapi ini dalam rutin harian mereka pada setiap hari.

Sebagai salah satu pusat penyebaran maklumat dan informasi, perpustakaan bertanggungjawab menjadi satu medium dalam menyebarkan manfaat dan keberkesanan melalui penerapan terapi ini yang secara tidak langsung mempengaruhi minda dan memberi impak serta hasil positifnya pengguna dapat merasai kesejahteraan, ketenangan melalui pendekatan kaedah biblioterapi ini. Tambahan juga suasana dan terapi yang diwujudkan mampu meningkatkan penggunaan perkhidmatan perpustakaan yang optimum kepada para pengguna di luar sana. Oleh itu, perpustakaan, agensi luar, kaunselor, serta badan berwajib perlu menampakkan sisi kebaikan dan keberkesanan melalui program program seperti ini bagi memperlihatkan kaedah biblioterapi ini adalah inisiatif yang relevan diterapkan yang mampu memberi manfaat kepada para pengguna.



PERBEZAAN PERPUSTAKAAN FIZIKAL DAN PERPUSTAKAAN DIGITAL

Oleh: Irdina binti Shaari
Pelajar Latihan Industri

Perpustakaan terdiri daripada empat jenis. Jenis-jenisnya ialah Perpustakaan Khusus seperti Petronas Resource Center (PRC), Perpustakaan Akademik seperti Perpustakaan Universiti Teknikal Melaka Malaysia (UTeM), Perpustakaan Sekolah seperti Pusat Sumber Seri Ilmi SKPDD, dan Perpustakaan Awam seperti Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka (PERPUSTAM).



Apakah Itu Perpustakaan Fizikal?

Perpustakaan Fizikal merangkumi pemeliharaan bahan ilmiah yang telah lama wujud. Ia adalah repositori fizikal bagi bahan bercetak, selalunya terdiri daripada koleksi buku, jurnal, terbitan berkala, manuskrip dan bahan rujukan. Berbeza dengan perpustakaan digital, perpustakaan fizikal menyediakan persekitaran yang nyata di mana pelanggan boleh melibatkan diri dengan sumber fizikal seperti buku dan terbitan berkala, meneroka ruang bacaan, dan berinteraksi secara bersemuka dengan pustakawan dan rakan sebaya di dalam perpustakaan. Sebagai contoh, perpustakaan fizikal ialah Perpustakaan Negara.

APAKAH ITU PERPUSTAKAAN DIGITAL?

Perpustakaan Digital adalah sebuah repositori maya bagi maklumat dan sumber digital. Ia merangkumi kandungan digital yang pelbagai seperti buku, artikel, imej, video, manuskrip dan banyak lagi. Tidak seperti perpustakaan tradisional, yang bergantung pada koleksi fizikal, perpustakaan digital memanfaatkan teknologi untuk menyimpan, menyusun dan mengakses bahan ini melalui internet.

Pendigitalan sumber ini membolehkan kebolehcapaian yang lancar dan global, memperkasakan pengguna untuk meneroka, mencari dan mendapatkan maklumat dari jauh. Sebagai contoh, perpustakaan digital ialah Penang Digital Library. Perpustakaan digital ini ialah perpustakaan digital yang pertama di Malaysia. Ia telah dibuka pada Jun, 2016 kepada orang awam.

ASPEK	PERPUSTAKAAN FIZIKAL	PERPUSTAKAAN DIGITAL
Sumber Bahan	Menempatkan bahan-bahan fizikal seperti buku bercetak, manuskrip, surat khabar, majalah, peta, dan pelbagai barangan ketara yang lain.	Terdiri daripada sumber digital dan berformat elektronik. Ini termasuk e-buku, e-jurnal, kandungan multimedia, pangkalan data dan bahan digital lain.
Pengaksesan Bahan	Pengaksesan bahan adalah sewaktu pengoperasian perpustakaan. Terdapat jenis bahan seperti bahan Projek Sarjana Muda yang hanya boleh diakses secara keseluruhan di dalam perpustakaan.	Menawarkan akses jauh dan global melalui internet, membolehkan pengguna mendapatkan maklumat dari mana-mana sahaja pada bila-bila masa, dengan syarat mereka mempunyai sambungan internet.
Interaksi dan Penglibatan	Interaksi selalunya kepada perbincangan bersemuka dengan pustakawan dan juga rakan sebaya di dalam perpustakaan. Mudah untuk bertanya jika terdapat masalah dalam pencarian bahan.	Interaksi bukannya secara bersemuka, dan menggunakan internet sebagai media untuk berinteraksi bersama pustakawan. Berkemungkinan mengambil masa dalam menyelesaikan masalah kerana perbincangan dalam internet adalah bergantung kepada kelajuan internet kedua-dua pihak.
Fizikal	Memerlukan sebuah bangunan untuk menjalankan perkhidmatan kepada pengguna. Ia juga digunakan bagi penyimpanan bahan-bahan fizikal.	Tidak memerlukan bangunan. Semua perkhidmatan dan bahan-bahan disimpan secara maya.
Sumber Manusia	Memerlukan sumber manusia supaya servis di perpustakaan berjalan dengan lancar. Staf perlu datang ke perpustakaan bagi memberikan perkhidmatan kepada pengguna.	Tidak memerlukan staf yang ramai bagi memastikan perpustakaan berjalan dengan lancar. Staf bekerja secara maya.

KESIMPULAN

Perbezaan yang diutarakan telah menunjukkan bahawa mahupun perpustakaan fizikal atau perpustakaan digital, ianya mempunyai keperluan yang tersendiri dalam memastikan ketersediaan perkhidmatan kepada pengguna.

Perpustakaan fizikal kekal relevan kerana bukan hanya sebagai tempat untuk membaca sahaja tetapi juga menjadi lokasi di mana pengguna boleh datang berintraksi, bersosial, dan mengadakan perbincangan sesama mereka. Pengguna juga dapat berinteraksi bersama staf. Ianya dapat mengeratkan lagi hubungan di antara pengguna dan staf.

Manakala kepentingan perpustakaan digital tidak boleh disangkal lagi seiring dengan perkembangan teknologi dan pengguna yang mencari maklumat berkonsepkan maklumat dihujung jari.



RUANG INOVATIF (MAKERSPACE)

Oleh: Nur Shuhadah binti Sulaiman
Pelajar Latihan Industri

Pada awalnya, ruang inovatif atau 'Makerspace' ini berada di tempat-tempat umum dan bukanlah di perpustakaan. Namun demikian, seiring dengan peredaran zaman, kewujudan ruang ini semakin diperlukan. Oleh itu, 'Makerspace' telah dijadikan sebagai suatu gaya atau ikutan sebagai keperluan perkhidmatan di perpustakaan. Kewujudan ruang ini telah menjadikan perpustakaan tidak lagi dikenali sebagai ruang senyap malah telah menjadi ruang untuk pengguna bebas mencuba dan terbuka bagi pengembangan idea, kreativiti dan penyelesaian masalah.

'Makerspace' atau ruang kerja kolaboratif merupakan kawasan yang disediakan di dalam perpustakaan untuk pengguna membuat, belajar, meneroka dan berkongsi idea bagi menggalakkan pemikiran kritis, kreatif dan inovatif. Secara umumnya, ruang ini terbuka kepada kanak-kanak, orang dewasa dan usahawan. Ia mempunyai pelbagai peralatan pembuat yang boleh diteroka dan dipelajari. 'Makerspace' juga boleh dipanggil sebagai ruang inovatif kerana ia merupakan ruang yang disediakan bagi menggalakkan pengguna untuk mencuba, mengembang dan meneroka idea baharu. 'Makerspace' membantu menyediakan ruang bagi mereka yang memerlukan kemahiran kritikal dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).


Ruang inovatif ini menyediakan pembelajaran sendiri, membantu dengan kemahiran berfikir kritis dan juga meningkatkan keyakinan diri. Matlamat kewujudan ruang ini adalah untuk memperkasakan pelajar agar melihat diri mereka sebagai pencipta, pembina dan peneroka. 'Makerspace' membolehkan pengguna mempelajari kemahiran baharu melalui percubaan dan kesilapan, mengalami kegagalan idea awal, meneroka alternatif, dan kemudian menyelesaikan masalah untuk menambah baik idea tersebut. Ia membantu membangunkan keyakinan diri terhadap keupayaan pelajar untuk membayangkan, membangun, dan membina sesuatu projek.

Ruang inovatif ini memberi banyak manfaat dan kebaikan khususnya kepada sektor pendidikan, pengguna perpustakaan dan sesebuah komuniti. Berikut merupakan beberapa kebaikan 'Makerspace' yang boleh kita ketahui.

- Memberi peluang untuk berinovasi

Kewujudan ruang 'Makerspaces' ini dapat memupuk inovasi melalui percubaan langsung. Pengguna mempunyai peluang untuk menjadi kreatif dan menggunakan strategi pembelajaran yang dipelajari untuk membuat perubahan pada konsep sedia ada atau membangunkan idea, kaedah atau produk mereka sendiri.

- Belajar untuk menerima kegagalan dengan fikiran yang terbuka dan positif



Makerspace Library





Dalam eksperimen, pengujian, penilaian dan pengubahsuaian adalah sebahagian daripada proses. Pengguna dapat mempelajari cara untuk menjadikan kegagalan sebagai pengalaman atau proses pembelajaran dan tidak berasa tawar hati apabila sesuatu tidak berjalan seperti yang dirancang. Secara tidak langsung, ia dapat memupuk sikap tidak mudah berputus asa dalam diri pengguna khususnya dalam kalangan pelajar.

- Mendedahkan pelajar kepada peluang baharu

'Makerspaces' memberi peluang kepada pengguna untuk mempelajari sesuatu yang baharu, sama ada cara alternatif untuk memulakan pembelajaran atau menggunakan alatan dan sumber baharu untuk menyelesaikan sesuatu permasalahan.

- Membina pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah

Keupayaan untuk berfikir secara kritis dan berkesan menyelesaikan masalah harus diwujudkan pada usia muda. Perkara ini perlu dipupuk dari semasa ke semasa. Kemahiran ini adalah kemahiran asas dan dipertingkatkan oleh pengalaman pembelajaran dalam ruang inovatif tersebut.

Jika diperkatakan berkaitan dengan isu sains, teknologi dan reka bentuk, ia sudah semestinya melibatkan pelbagai kemudahan teknologi bagi ruang inovatif ini. Antara peralatan yang boleh disediakan adalah Pencetak 3D, set Arduino, Drone D.I.Y (set mini), Pengekodan, Robotik dan sebagainya. Dengan ini, pengguna bebas membuat eksperimen dan meneroka benda baharu. Ia dapat dijadikan sebagai sumber inspirasi untuk memupuk minat dalam bidang sains, teknologi, reka bentuk, dan pembelajaran sepanjang hayat dalam diri pengguna.



LIBRARY OUTREACH : MEET AND GREET

Oleh: Mohd Mawardi bin Badruddin

Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) merupakan perpustakaan akademik yang berfungsi sebagai gedung ilmu yang menyokong pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan kepada warga UTeM. Dengan peredaran masa kini, peranan perpustakaan masih lagi relevan dalam memainkan peranan asasnya dan mewujudkan nilai tambah yang menawarkan kemudahan dan perkhidmatan kepada pengguna PLH.

Dalam memberi pendedahan kepada warga UTeM berkaitan perkhidmatan dan kemudahan yang ditawarkan oleh Bahagian Perkhidmatan dan Penyelidikan (BPP), Program Library Outreach: Meet & Greet telah diadakan bagi memberi ruang kepada staf akademik dan pelajar Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan (FPTT) pada 24 Oktober 2023 dan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) pada 19 Disember 2023 yang lepas.

Objektif utama aktiviti ini adalah untuk menawarkan bimbingan dan bantuan berkaitan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh BPP kepada staf akademik dan pelajar di fakulti berkenaan secara bersemuka dengan pustakawan PLH. Antara perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan adalah seperti di bawah:

RESEARCH SUPPORT SERVICES

- ✓ Research Consultation
- ✓ SCOPUS Author Profile
- ✓ Scholarly Output
- ✓ Bibliometrics (h-index, citations)
- ✓ Publication (data collection/analysis)
- ✓ Research Support Programme
- ✓ High Impact Research Resources
- ✓ Information Packaging

CUSTOMER SERVICES

- ✓ Book Loan
- ✓ Book Return
- ✓ Book Exhibition
- ✓ User Account / Fines / Loan Items
- ✓ Interlibrary Loan

REFERENCE SERVICES

- ✓ Information Literacy Programme
- ✓ Facilities & Services
- ✓ Online Database
- ✓ Library Enquiries



Program ini juga akan dipanjangkan kepada staf akademik dan pelajar di fakulti-fakulti yang lain pada masa hadapan.

Library
Outreach
@PLH



Meet & Greet SERVICE & RESEARCH DIVISION



ARMAN MOHAMMAD
DEPUTY CHIEF LIBRARIAN



MOHD MAWARDI
BADRUDDIN
SENIOR LIBRARIAN



HASLIZA MOHAMED
SENIOR LIBRARIAN



MEZ ZELINA YUSOF
SENIOR LIBRARIAN



ZAIDI SAAD
SENIOR LIBRARIAN



AZMAN AMIR
SENIOR ASSISTANT LIBRARIAN

PERPUSTAKAAN

**Perpustakaan Laman Hikmah
Universiti Teknikal Malaysia Melaka
Hang Tuah Jaya, 76100
Durian Tunggal, Melaka.**

Phone: +6062701200

Fax: +6062701039

Email: lamanhikmah@utem.edu.my

Edisi dalam talian: Buletin Perpustakaan (utem.edu.my)

